KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

Rujukan: MOF.NBO(S)600-1/4/1 JLD 17 (6)

16 Jun 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan,

PENGGUNAAN BAHAN DAN BARANGAN KELUARAN TEMPATAN DALAM PENGANJURAN ACARA/ MAJLIS/ KERAIAN RASMI KERAJAAN/ MESYUARAT/ PERSIDANGAN/ SEMINAR/ BENGKEL

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan mengenai perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan sedia maklum, **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 2025 telah bersetuju agar Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan memastikan penggunaan bahan dan barangan keluaran tempatan khususnya dalam penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel. Penggunaan ini merujuk kepada penyediaan menu makan minum (termasuk penggunaan bahan makanan seperti jenis ikan, buah-buahan, sayur-sayuran), hiasan, peralatan dan pemberian cenderamata.** Keputusan ini adalah untuk meningkatkan pertumbuhan industri bahan dan barangan kraftangan tempatan dan mempromosi kepelbagaian serta kekayaan makanan di Malaysia. Ini adalah seiring dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan juga penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026.

3. Isu ini berbangkit kerana diperhatikan dalam penganjuran majlis keraian rasmi Kerajaan seperti di hotel yang antaranya turut melibatkan tetamu dari luar negara, terdapat amalan penyediaan menu yang menggunakan bahan makanan yang jelas diimport. Sebaliknya, penganjuran majlis di negara luar pula dilihat lebih proaktif mempromosikan menu dan makanan keluaran tempatan negara tersebut.

4. Dalam hubungan ini, pelaksanaan penggunaan bahan dan barangan tempatan khususnya dalam penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel masih tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP) PB 3.1 - Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam (Kemaskini 2024), PP PK 1.4 - Dasar Bahan, Barangan dan Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan serta lain-lain dasar/ pekeliling/ peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan dalam memastikan keputusan ini dilaksanakan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan/ Syarikat Kerajaan/ Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)